AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Malaysia akan mula suntik vaksin satu dos CanSino

## Penghantaran berperingkat, mudahkan pemberian di kawasan rendah akses

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia akan memulakan pemberian vaksin satu dos apabila menerima sejumlah 200,000 dos vaksin CanSino daripada pembekal CanSino Biologics, China, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata vaksin itu datang dalam bentuk produk siap.

"(Sebanyak) 3.5 juta dos vaksin CanSino sudah ditempah dengan penghantaran berperingkat. Ini juga adalah vaksin COVID-19 satu dos yang pertama di Malaysia," katanya.

Setakat ini, profil vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dimulakan Februari lalu membabitkan vaksin keluaran Pfizer-BioNTech (Cominarty), Sinovac (CoronaVac) dan AstraZeneca, manakala satu lagi vaksin iaitu Johnson & Johnson juga sudah mendapat kelulusan bersyarat.

Sementara itu, pesawat yang membawa vaksin CanSino itu mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 7.50 pagi dengan penerbangan MAS Kargo dari Beijing, China.

Berada di KLIA ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Mohd Shafiq Abdullah dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, Dr Mohd Nor Azman Hassan.

MOSTI dalam satu kenyataan, berkata Solution Biologics adalah Pemegang Pendaftaran Produk bagi CanSino di Malaysia dan vaksin itu mendapat kelulusan penggunaan bersyarat untuk kegunaan kecemasan di negara ini oleh Pihak Berkuasa Bekalan Dadah (PKBD) pada 15 Jun lalu.

Dengan ketibaan vaksin berkenaan, ia bakal memudahkan pemberiannya terutama di kawasan yang rendah akses dan seterusnya membantu Malaysia mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut garis masa yang ditetapkan.

*Siti Hamisah bersama Mohd Shafiq menyambut ketibaan vaksin CanSino di KLIA, semalam.* (Foto BERNAMA)

## 51.6 peratus populasi terima dos kedua vaksin

**Putrajaya:** Pemberian vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini sudah mencecah 29,886,548 dos setakat jam 11.59 malam kelmarin susulan pemberian sebanyak 517,682 dos kelmarin.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dalam hantaran melalui media sosial, berkata daripada jumlah dos yang diberikan semalam, sebanyak 180,810 adalah dos pertama dan 336,882 bagi dos kedua.

Setakat tengah malam kelmarin, sejumlah 51.6 peratus populasi dewasa negara sudah menerima dos kedua vaksin.

Labuan kini sudah mencapai 90.2 peratus daripada populasi dewasanya yang menerima dua dos vaksin, diikuti Sarawak dengan 83 peratus.

Populasi dewasa yang menerima dua dos vaksin di Lembah Klang juga sudah mencapai 76.2 peratus; Negeri Sembilan (68.8 peratus) dan Perlis (59.3 peratus).

Bagaimanapun, populasi dewasa di negeri lain yang menerima dos lengkap masih belum mencecah 50 peratus iaitu Melaka dengan 43.2 peratus; Pulau Pinang (41.7 peratus); Terengganu (39.6); Perak (38.7 peratus); Pahang (38 peratus); Kedah (34.9 peratus); Kelantan (34 peratus); Johor (33.6 peratus) dan Sabah mencatatkan peratusan terendah populasi dewasanya yang sudah menerima dua dos vaksin setakat semalam dengan 26.9 peratus.

Keadaan ini membimbangkan berikutan hingga semalam negeri seperti Johor dan Sabah masing-masing mencatatkan jumlah keseluruhan kes sebanyak 116,667 dan 113,929 selain kes harian empat angka sejak akhir-akhir ini.

# Peningkatan kes di negeri Fasa Tiga PPN membimbangkan

**Putrajaya:** Peningkatan kes di beberapa negeri termasuk yang sudah memasuki Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) menunjukkan penularan kes COVID-19 membimbangkan sejak akhir-akhir ini.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) untuk kes harian tengah hari semalam menunjukkan sembilan negeri dan wilayah mencatatkan kes empat angka, yang didahului Selangor dengan 6,974 kes.

Pada masa sama, Sabah dan Sarawak masing-masing mencatatkan 2,738 kes dan 2,548 kes jangkitan baharu setakat tengah hari semalam.

Biarpun kes di Perlis tidak mencecah tiga angka, sejak beberapa hari ini nilai kadar kebolehjangkitan (Rt) di negeri itu melebihi nilai Rt kebangsaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri DSr Noor Hisham Abdullah, berkata pergerakan rentas sempadan negeri mungkin menjadi punca kepada peningkatan kes di negeri seperti Perlis yang sudah memasuki Fasa Tiga PPN.

Beliau berkata, Perlis sebelum ini berstatus negeri hijau namun pergerakan rentas sempadan dan kelonggaran untuk makan di luar dilihat punca kepada peningkatan kes di negeri itu.

Selain itu, beliau berkata, peningkatan kes di beberapa negeri juga mungkin ekoran penularan varian Delta yang lebih mudah berjangkit.

"Apabila ada perhimpunan dan pergerakan, maka ada peluang untuk varian Delta berjangkit dalam masyarakat," katanya ketika dihubungi.

> Perlis sebelum ini berstatus negeri hijau namun pergerakan rentas sempadan dan kelonggaran untuk makan di luar dilihat punca kepada peningkatan kes di negeri itu
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*

Selain Sabah dan Sarawak yang merekodkan kes melebihi 2,000 semalam, wilayah dan negeri lain yang juga mencatatkan kes empat angka adalah Kedah (1,932); Kuala Lumpur (1,652); Pulau Pinang (1,523); Johor (1,323); Kelantan (1,281) dan Perak (1,248).

Kes positif baharu turut dilaporkan di Melaka dengan 610 kes; Negeri Sembilan (608); Terengganu (521); Pahang (517); Perlis (64); Putrajaya (24) dan satu kes di Labuan.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham menasihati kerajaan di negeri yang kini berada dalam Fasa Tiga PPN untuk mematuhi semua langkah berjaga-jaga kesihatan awam serta meningkatkan proses pemberian vaksin.

"Jika tidak, jangkitan akan terus menular dalam komuniti terutama dengan kehadiran varian Delta. Kita tidak boleh bersikap lalai dan lepa," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

# Kes baharu lebih 20,000 tiga hari berturut-turut

**Putrajaya:** Malaysia mencatatkan kes tertinggi untuk tiga hari berturut-turut apabila sebanyak 23,564 kes positif baharu COVID-19 dilaporkan setakat tengah hari semalam.

Kelmarin, 22,948 kes direkodkan, manakala pada Rabu lalu sebanyak 22,242 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sehingga kini kes jangkitan COVID-19 negara sudah mencecah 1,513,024 kes.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut melaporkan 21,448 kes sembuh daripada jangkitan COVID-19 semalam, menjadikan 1,241,894 pesakit sudah pulih sejak Januari tahun lalu, manakala kes aktif kini 257,417 kes.

"Daripada 23,564 kes direkodkan hari ini (semalam), sebanyak 23,541 adalah jangkitan tempatan iaitu 19,714 warganegara dan 3,827 bukan warganegara manakala 23 lagi adalah kes import, membabitkan 12 warganegara dan 11 bukan warganegara.

*Proses ujian saringan test pandu lalu di Terminal Sentral Kuantan (TSK), Kuantan.* (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

"KKM juga melaporkan 1,062 kes kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 518 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu hantaran di media sosial, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 233 kes kematian baharu dilaporkan membabitkan 199 warganegara dan 34 rakyat asing menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat COVID-19 sebanyak 13,713 kes atau 0.91 peratus daripada kes dilaporkan setakat ini.

Beliau berkata, daripada jumlah kematian itu, 60 kes membabitkan kematian di luar hospital (BID) dengan 44 rakyat negara ini dan 16 bukan warganegara.

"Sebanyak 233 kes kematian pada hari ini (semalam) membabitkan 101 kes di Selangor; 31 kes di Kuala Lumpur; 23 kes di Johor; 17 kes di Sabah; 16 kes di Perak; 15 kes di Pulau Pinang; 11 kes di Negeri Sembilan; sembilan kes di Kedah; empat kes di Terengganu serta masing-masing tiga kes di Kelantan dan Pahang," katanya.

Sementara itu, daripada 23,564 kes harian dilaporkan semalam, 431 kes (1.8 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5, manakala 23,133 kes (98.2 peratus) lagi daripada kategori 1 dan 2.

Katanya, secara keseluruhan, 19,362 kes (82.2 peratus) daripada jumlah kes dilaporkan semalam tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

KKM turut mengesan 38 kluster, iaitu 22 membabitkan tempat kerja, 14 kluster komuniti dan dua kluster pendidikan.

Setakat ini, 4,386 kluster dikesan di negara ini, 2,964 kluster sudah ditamatkan dan 1,422 kluster masih aktif.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, berdasarkan data terkini pada 19 Ogos 2021, nilai kadar kebolehjangkitan (RT) Malaysia adalah 1.04, manakala Perlis masih mencatatkan nilai RT, iaitu nilai RT 1.31, diikuti oleh Sabah (nilai RT 1.22) dan Sarawak, 1.21.

Katanya, semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Kuala Lumpur (nilai RT 0.95); Putrajaya (nilai RT 0.89); Labuan (nilai RT 0) dan Negeri Sembilan, 0.94.

**Terkini COVID-19**

**21,448** Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

**23,564** Kes baharu disahkan, semalam

**13,713** Jumlah kematian dicatat

**1,513,024** Jumlah kes disahkan positif

**257,417** kes yang masih dirawat

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

23,564 jangkitan harian, 233 pesakit meninggal dunia

# Kes baharu Covid-19 terus melonjak

**PUTRAJAYA** – Kes harian terus melonjak selepas 23,564 kes dilaporkan semalam sekali gus yang tertinggi pernah dicatatkan sejak pandemik Covid-19 melanda negara tahun lalu.

Angka tersebut menjadikan jumlah kes positif Covid-19 kini sebanyak 1,513,024 kes.

Kes sembuh pula kekal melebihi angka 20,000 dengan 21,448 menjadikan keseluruhan pesakit sembuh sebanyak 1,241,894.

Dalam pada itu, sebanyak sembilan negeri mencatatkan kes melebihi empat angka.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor merekodkan sebanyak 6,974 kes, diikuti Sabah sebanyak 2,738 kes dan Sarawak sebanyak 2,548 kes.

"Seterusnya, Kedah (1,932 kes), Kuala Lumpur (1,652 kes), Pulau Pinang (1,523 kes), Johor (1,323 kes), Kelantan (1,281 kes) dan Perak (1,248 kes).

"Melaka pula sebanyak 610 kes, Negeri Sembilan (608 kes), Pahang (517 kes), Terengganu (521 kes), Perlis (64 kes), Putrajaya (24 kes) dan Labuan (satu kes)," katanya di sini semalam.

Seramai 233 pesakit dilaporkan meninggal dunia menjadikan jumlah keseluruhan kematian sebanyak 13,713 kes.

Pesakit yang sedang menjalani rawatan dan diasingkan sebanyak 257,417 kes termasuk 1,062 ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) serta 518 memerlukan bantuan alat pernafasan.

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 23,564 |
| Import: | 23 |
| Tempatan: | 23,541 |
| Pulih | 21,448 |
| Kematian | 233 |
| Masih dirawat | 257,417 |
| Jumlah kes sembuh | 1,241,894 |
| Jumlah Kematian | 13,713 |
| Jumlah kes keseluruhan | 1,513,024 |

**SITI HAMISAH (dua dari kiri) dan Mohd. Shafiq (dua dari kanan) semasa menyaksikan ketibaan vaksin CanSino di KLIA, Sepang semalam.**

# 200,000 dos vaksin CanSino tiba

**SEPANG** – Sebanyak 200,000 vaksin dos tunggal CanSino dalam bentuk *finished product* daripada pembekal CanSino Biologics, China selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memaklumkan, vaksin CanSino itu dibawa menaiki MAS Kargo menerusi pesawat MH361 dengan penerbangan dari Beijing, China dan tiba pada pukul 7.50 pagi.

Katanya, vaksin CanSino yang diterima itu adalah sebahagian daripada 3.5 juta dos vaksin CanSino yang telah ditempah oleh Malaysia dengan penghantaran dibuat secara berperingkat.

"Bekalan ini akan dapat memperhebatkan lagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) terutamanya di kawasan rendah akses.

"Ia seterusnya akan membantu negara mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara mengikut garis masa yang ditetapkan," katanya di sini semalam.

Hadir menyaksikan ketibaan tersebut adalah Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Siti Hamisah Tapsir dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Mohd. Shafiq Abdullah.

Vaksin CanSino mendapat kelulusan penggunaan bersyarat untuk kegunaan kecemasan di Malaysia oleh Pihak Berkuasa Bekalan Dadah (PKBD) pada 15 Jun lalu.

Solution Biologics adalah Pemegang Pendaftaran Produk bagi CanSino di Malaysia.

Ketika ini, tiga jenis vaksin diberikan untuk penduduk Malaysia di bawah PICK iaitu Cominarty (Pfizer BioNTech), CoronaVac (Sinovac) dan AstraZeneca.

**ORANG ramai disyorkan untuk menyediakan oksimeter nadi di rumah bagi memantau kadar oksigen dalam darah.** – GAMBAR HIASAN

# Tiga alat perubatan perlu ada di rumah

**Oleh SYALMIZI HAMID**

**GEORGE TOWN** – Pakar perubatan mengesyorkan orang ramai memiliki sekurang-kurangnya tiga alatan pemeriksaan perubatan asas bagi melakukan pemantauan tahap kesihatan harian kendiri.

Peralatan tersebut termasuklah pengukur tekanan darah, termometer untuk memeriksa suhu badan dan oksimeter nadi bagi mengesan kadar oksigen dalam darah.

Ketua Pegawai Perubatan, Hospital Pantai Penang, Dr. Wildan Azhar Ahmad berkata, pemantauan kesihatan pesakit secara berterusan adalah penting ketika menjalani kuarantin Covid-19 di rumah sebagai langkah awal berdepan situasi buruk.

"Bagi mereka yang sudah divaksin, tiada masalah kesihatan sebelum ini dan berat badan terkawal, risiko untuk alami gejala lebih teruk adalah rendah.

"Namun, adalah perlu melakukan pemantauan keadaan diri setiap hari menggunakan peralatan perubatan yang dicadangkan itu," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata, simptom *happy hypoxia* atau komplikasi oksigen rendah boleh terjadi dalam keadaan pesakit tidak sedar bagi mereka yang mempunyai komplikasi kesihatan.

"Oleh itu, bacaan oksigen yang menurun boleh dibaca awal menerusi oksimeter nadi.

"Selain itu, pesakit juga perlu rajin melakukan ujian *exertional dyspnoea* atau kesukaran bernafas dan melihat jika ada pengurangan 3 peratus paras oksigen daripada kadar sebelum ujian dibuat supaya tindakan awal boleh diambil oleh petugas perubatan," katanya.

Sementara itu, beliau menambah, individu yang mengesan keadaan tidak normal pada bacaan peralatan itu atau mengalami keadaan tidak stabil perlu segera menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau menghubungi talian kecemasan bagi mendapatkan bantuan.

"Keadaan itu adalah ketika paras oksigen kurang daripada 95 peratus atau pengurangan tiga peratus selepas ujian *exertional dyspnoea*, bacaan tekanan darah yang rendah atau terlalu tinggi serta nadi yang sangat laju," katanya.

Sementara itu, Pakar Telinga, Hidung dan Tekak, Hospital Pantai Sungai Petani, Dr. Mohd. Najeb Md. Soleh turut mengesyorkan orang ramai memiliki beberapa ubatan asas dan kit ujian kendiri Covid-19 di rumah.

"Kit ujian Covid-19 yang diiktiraf Kementerian Kesihatan sebagai langkah pengesanan awal sekiranya bergejala bagi membolehkan kuarantin lebih awal dan mengurangkan kebolehjangkitan wabak kepada orang lain.

"Saya cadangkan ubatan asas seperti paracetamol, ubat selesema atau anti *histamine* dan ubat batuk sebagai rawatan asas jangkitan virus," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Kes baharu lepasi 23,000

Malaysia catat 23,564 kes positif Covid-19 tertinggi setakat ini pada Jumaat

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA**

Angka kes positif Covid-19 melepasi 23,000 apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 23,564 individu positif Covid-19 pada Jumaat.

Jumlah itu merupakan kes tertinggi selama tiga hari berturut-turut direkodkan sejak Rabu.

Sarawak negeri terbaharu melaporkan kes melebihi 2,000 iaitu (2,548), selepas Sabah (2,738) dan Selangor (6,974).

Bagaimanapun, kes baharu di Kedah dilaporkan sedikit menurun berbanding Khamis, 2,137 kes iaitu 1,932.

Kuala Lumpur merekodkan 1,652 kes, Pulau Pinang (1,523), Kelantan (1,281), Perak (1,248), Melaka (608), Pahang (610), Terengganu (521), Perlis (64), Putrajaya (24) dan Labuan (satu).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, 431 kes adalah daripada kategori tiga hingga lima.

"Sebanyak 23,133 kes lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Menurutnya, secara keseluruhan, 19,362 kes daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Jumlah keseluruhan kes positif di seluruh negara adalah 1,513,024 kes," katanya.

DR NOOR HISHAM

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 233 kes kematian dilaporkan membabitkan 199 rakyat tempatan dan 34 warga asing.

Kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) kembali meningkat kepada 60.

Sementara itu, 38 kluster baharu dikenal pasti yang terdiri daripada 22 kluster tempat kerja dan 14 kluster komuniti.

Dalam pada itu, beliau berkata, beberapa negeri yang merekodkan peningkatan kes ketara iaitu Perlis, Sabah dan Sarawak pada kebelakangan ini disebabkan oleh beberapa kelonggaran.

"Peningkatan kes positif di Perlis berpunca akibat pergerakan antara negeri. Perlis (sebelum ini) hijau tetapi apabila *dine-in* dibenarkan, berlaku pergerakan. Seterusnya, ia telah membuka ruang kepada varian Delta untuk menjangkiti orang lain.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

"Apabila berlaku perhimpunan dan pergerakan, wujud ruang dijangkiti varian Delta dalam masyarakat," katanya.

Tambahnya, penduduk di negeri Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) tidak boleh alpa dan harus mematuhi kesemua langkah pencegah kesihatan awam serta tingkatkan usaha vaksinasi.

"Jika tidak, jangkitan akan terus merebak dalam komuniti lebih-lebih lagi dengan varian Delta yang dominan," katanya.

Pada 16 Julai lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meramalkan kes harian positif Covid-19 memuncak pada angka 24,000 kes sehari pada pertengahan September.

Bagaimanapun, unjuran terbaharu yang dikeluarkan Institut Kesihatan Negara (NIH) pada awal Ogos menunjukkan kes harian negara akan mencapai sehingga 28,000 kes penghujung September ini.

## Dos tunggal pertama, CanSino tiba di Malaysia

**PUTRAJAYA** - Buat pertama kalinya, sebanyak 200,000 dos CanSino tiba di negara ini pada Jumaat menerusi penerbangan MAS Kargo dengan pesawat MH361 dari Beijing, China sebelum tiba jam 7.50 pagi di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA).

Turut hadir bagi menyambut ketibaan CanSino ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Mohd Shafiq Abdullah dan KSU Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah turut mengumumkan ketibaan CanSino menerusi laman Twitternya.

Vaksin dos tunggal itu berbentuk *finished product* diterima sebahagian daripada 3.5 juta dos vaksin CanSino yang telah ditempah oleh Malaysia dengan penghantaran secara berperingkat.

CanSino dibekalkan boleh CanSino Biologics, China manakala Solution Biologics adalah pemegang pendaftaran produk bagi CanSino di negara ini.

Vaksin CanSino telah mendapat kelulusan penggunaan bersyarat untuk kegunaan kecemasan oleh Pihak Berkuasa Bekalan Dadah (PKBD) pada 15 Jun lalu.

Bekalan tersebut dijangka akan memperhebatkan lagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) terutamanya di kawasan yang rendah akses.

FOTO: MOSTI

Sebanyak 200,000 dos CanSino tiba di KLIA pada pagi Jumaat menerusi penerbangan MAS Kargo dengan pesawat MH361 dari Beijing, China.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI




INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 Ogos 2021

### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH | ICU | KEMATIAN | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1,513,024 | 1,241,894 | 1,062 | 13,713 | 23,564 | 29,886,548 |

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Tiada kajian sahkan Ivermectin boleh rawat pesakit Covid-19

Ubat itu adalah antiparasit yang digunakan dalam perubatan haiwan

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA dan MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Pakar perubatan tidak menggalakkan pengambilan ubat Ivermectin kerana masih belum ada kajian yang mengesahkan keberkesanan dan keselamatannya ketika ini.

Ketua Perkhidmatan Klinikal Penyakit Berjangkit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Datuk Dr Mahiran Mustafa berkata, walaupun ia bukan disifatkan sebagai racun, namun tiada data mencukupi untuk mengesyorkan ubat itu boleh digunakan bagi merawat pesakit Covid-19.

Menurut, Ivermectin adalah ubat antiparasit yang kebanyakannya digunakan dalam perubatan haiwan khususnya bagi merawat masalah kecacingan.

"Buat masa sekarang kita masa belum boleh sahkan ia berkesan ataupun tidak kerana kita tidak ada kajian yang cukup untuk menentukan keberkesanan dan keselamatannya.

DR MAHIRAN

"Kita tak kata ia racun, tetapi kalau kita tengok kajian yang dilakukan di makmal ia menggunakan dos yang sangat tinggi.

"Hampir 50 kali ganda dos yang digunakan untuk antiparasit. Jadi, kalau kita tengok dari sudut keselamatan ia amat membimbangkan," katanya.

Beliau berkata demikian selaku panelis pada program Wacana Sinar Edisi ke-282 bertajuk 'Ivermectin: Alternatif atau Racun!' yang disiarkan secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Khamis.

Program yang dikendalikan Edlynna Hanie Hamid itu turut menampilkan Ketua Unit Teknikal dan Kualiti, Bahagian Farmasi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling, Mohd Dziehan Mustapa dan Pakar Penyakit Berjangkit, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Dr Steven Lim Chee Loon sebagai panelis.

Mengulas mengenai penjualan Ivermectin secara berleluasa di pasaran, Dr Mahiran berkata, keadaan itu cukup membimbangkan kerana ia dijual secara haram tanpa mendapatkan pengesahan daripada pihak Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

"Ada juga individu yang menjadi mangsa. Mereka bayar, kemudian dapat ubat palsu," katanya.

## Penggunaan Ivermectin hanya untuk haiwan, bukan manusia

**SHAH ALAM** - Penggunaan Ivermectin sebenarnya hanya digunakan bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiases, kata Ketua Unit Teknikal dan Kualiti, Bahagian Farmasi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling, Mohd Dziehan Mustapa.

MOHD DZIEHAN

Jelas beliau, kebanyakannya digunakan untuk haiwan yang dikenali sebagai ubat antiparasit, malah ketika ini tiada produk itu yang diluluskan pendaftarannya untuk kegunaan manusia.

"Saya lihat dalam senarai ubat yang berdaftar untuk penggunaan manusia, Ivermectin tidak ada. Yang ada ialah Ivermectin yang didaftarkan untuk tujuan penggunaan dalam haiwan sebanyak 31 produk," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Dziehan berkata, semua ubat-ubatan termasuk Ivermectin perlu berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bagaimanapun, beliau berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) berperanan untuk memastikan produk farmaseutikal selamat, berkualiti dan berkesan.

"Bahagian regulatori ini bukan sahaja ada di Malaysia, malah semua negara ada badan regulatori masing-masing. Tujuannya adalah memastikan produk farmaseutikal selamat digunakan untuk rawatan.

"Tetapi pada masa sama ia juga boleh memberi kesan kepada penerima jika disalahgunakan. Justeru, semua produk farmaseutikal perlu berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah.

"Perkara ini juga selari dengan Akta Racun 1952. Jika terdapat penjualan tidak disahkan, individu terbabit boleh dikenakan tindakan," katanya.

## Kajian klinikal Ivermectin dijangka selesai September ini

**SHAH ALAM** - Kajian klinikal ubat Ivermectin di Malaysia dijangka selesai September ini bagi menentukan pelaksanaan untuk rawatan dan pencegahan Covid-19.

Pakar Penyakit Berjangkit, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Dr Steven Lim Chee Loon berkata, kajian awal mendapati bahawa ia menunjukkan data yang positif tetapi dibuat dalam skala yang kecil.

DR STEVEN

Menurutnya, pelaksanaan kajian tersebut juga mendapat kritikan pakar-pakar kesihatan untuk menentukan kesahihan data tersebut untuk kegunaan rawatan atau pencegahan Covid-19 .

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan semua pihak yang ingin menggunakan Ivermectin perlu gunakan dalam keadaan yang selamat dan menerusi kajian klinikal,

"Mereka perlu memberi persetujuan dan sepanjang penglibatan, mereka akan dipantau dengan rapi berhubung sebarang kesan sampingan yang akan berlaku dan perlu dilaporkan, Selain perlu mengkaji dos yang sesuai jika Ivermectin digunakan untuk Covid-19," katanya.

Mengulas lanjut, Steven Lim berkata, penggunaan Ivermectin di Malaysia popular disebabkan peningkatan kadar kes positif dan kematian semakin bertambah yang memberikan kerisauan kepada rakyat.

"Jadi apabila kita nampak mesej yang tular di media sosial terutamanya WhatsApp, Facebook kadang-kadang kita akan lihat tajuk yang sensasi seperti Ivermectin ini *miracle drug* ubat ajaib untuk Covid-19.

"Saya rasa sebagai seorang rakyat biasa atau orang awam yang tiada pengetahuan tentang perubatan atau sains mereka senang terpengaruh dengan tajuk-tajuk sebegitu.

"Tetapi seperti doktor yang profesional kita kena melihat dengan lebih terperinci adakah betul ia satu jenis ubat ajaib atau tidak. Kita kena tengok bukti sebab dalam bidang perubatan semua rawatan yang diberi berlandaskan bukti saintifik dan bukan pendapat seorang atau sekumpulan orang," ujarnya.

Beliau menjelaskan Ivermectin bukan racun jika digunakan dengan cara yang betul untuk penyakit yang terbukti berkesan.

Bagaimanapun katanya, jika digunakan dengan dos yang terlalu tinggi dan tidak dipantau rapi oleh doktor yang bertauliah, maka ia akan mendatangkan kesan sampingan yang teruk.

"Jadi untuk rakyat Malaysia yang sekarang yang masih degil nak makan ubat Ivermectin ini, saya nasihatkan kalau lah awak ada Covid-19 dan makan ubat Ivermectin dan gejala semakin teruk serta bahaya tolong pergi ke hospital yang terdekat.

"Telefon ambulans untuk dapatkan rawatan yang sewajarnya jangan bergantung dan letak harapan yang terlalu tinggi terhadap Ivermectin kerana kita tiada bukti yang kukuh untuk menyarankan penggunaan ubat ini untuk rawatan ataupun pencegahan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

# *Dine-in* suram, kes Covid-19 tinggi

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR dan AMREE AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia terus mencatat peningkatan jangkitan positif Covid-19 yang mencecah 23,564 kes sekali gus menjadikan tertinggi setakat ini dengan 233 kematian, semalam.

Daripada jumlah kematian itu, sebanyak 60 kes dilaporkan meninggal dunia di rumah menjadikan keseluruhan kematian akibat Covid-19 di negara ini mencecah 13,713 kes.

Pada masa ini, sejumlah 257,417 kes aktif sama ada di kuarantin di rumah, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) atau dirawat di hospital dengan 1,062 kes daripadanya berada di unit rawatan rapi (ICU) selain 518 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Selangor terus menjadi penyumbang terbesar apabila merekodkan sebanyak 6,974 kes diikuti Sabah (2,738), Sarawak (2,548), Kedah (1,932), Kuala Lumpur (1,652), Pulau Pinang (1,523), Johor (1,323), Kelantan (1,281), Perak (1,248).

Situasi bilangan kes baharu yang terus meningkat turut mempengaruhi sambutan dingin dalam kalangan rakyat terhadap kelonggaran kerajaan terhadap kebenaran makan di restoran bagi negeri-negeri Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai semalam.

**PENGUSAHA kedai makan, Umi Kalsum Zakaria memeriksa sijil digital vaksinasi seorang pelanggan, Muhamad Hanif Ramly menerusi aplikasi MySejahtera di Medan Selera Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur, semalam.- UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor mendapati beberapa restoran tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai yang masih memilih membeli makanan yang dibungkus kerana bimbang akan keselamatan mereka.

Segelintir pengusaha restoran belum bersedia menerima pelanggan makan di premis mereka kerana bimbang jangkitan Covid-19 yang masih tinggi.

Di beberapa lokasi medan selera Putrajaya, keadaan lengang dengan kerusi dan meja masih belum disusun.

Peniaga Medan Selera Presint 8 yang hanya mahu dikenali sebagai Siti Salma berkata, dia belum menerima arahan daripada Perbadanan Putrajaya (PPj) berhubung kebenaran *dine-in*.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Syed Kechik berkata, mereka tidak dapat berbuat apa-apa dan hanya tunggu notis pihak PPj.

Peniaga juga bimbang jika berlaku penipuan mereka yang belum lengkap dua dos vaksin mengambil kesempatan.

Seorang pengunjung yang juga pekerja swasta, Akmaliah Abdul Hamid, 31, berkata, suasana hari pertama masih belum sibuk mungkin kerana ramai masih belum tahu kebenaran makan di restoran.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 27
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Lokasi khas 'potong gelang pink' kurangkan kesesakan di OSCAC

**JOHOR BAHRU:** Sebuah pusat pemotongan gelang Covid-19 dibuka di kawasan letak kereta, Laman Xtreme, Pasir Gudang yang menawarkan perkhidmatan secara pandu lalu bermula kelmarin.

Perkhidmatan tersebut membolehkan orang ramai yang memakai gelang bagi kes Covid-19 dan kontak rapat yang telah tamat tempoh kuarantin tidak perlu turun daripada kenderaan untuk menjalani proses itu.

Ketua Pusat Sehenti Penilaian Covid-19 (OSCAC) Pasir Gudang, Dr. Rohayah Abdullah berkata, kira-kira 500 individu yang memakai gelang terbabit telah hadir ke pusat tersebut sejak ia beroperasi.

"Pembukaan pusat pemotongan ini memudahkan orang ramai untuk memotong gelang secara pandu lalu termasuk mereka yang berjalan kaki atau menaiki motosikal.

"Pemotongan gelang di sini melibatkan mereka yang mempunyai kes positif Covid-19 yang telah disahkan bebas dan cukup tempoh kuarantin serta kontak rapat yang mempunyai dua keputusan calitan negatif hingga hari ke-10," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebelum ini, proses pemotongan gelang dibuat di OSCAC, tetapi keadaan semakin sesak dengan penambahan pesakit ketika melakukan ujian calitan sehingga berlaku kesesakan kenderaan memasuki OSCAC di Stadium Tertutup Pasir Gudang.

Sementara itu jelas Dr. Rohayah, orang ramai yang berurusan di pusat pemotongan khas itu diingatkan agar mengisi segala maklumat sebelum hadir ke situ bagi mempercepatkan proses dan mengelak orang lain terpaksa menunggu lama.

"Sekiranya borang maklumat tidak lengkap, ini akan melambatkan proses pemotongan gelang dan menyebabkan banyak kereta yang terpaksa menunggu lama, ada antara mereka yang tidak membawa pen sendiri dan terpaksa meminjam dari petugas untuk mengisi maklumat yang tidak lengkap," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/NATION

SELANGOR LEADS WITH 6,974 CASES

# ANOTHER RECORD IN DAILY CASES

New Covid-19 infections continue to rise past the 23,000 mark

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

A TOTAL of 23,564 Covid-19 cases have been recorded in the country over the last 24 hours, marking yet another record in daily figures.

With yesterday's highest day on record since the pandemic hit Malaysian shores, the cumulative number of cases is now 1,513,024.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, in a social media update, informed that Selangor remained at the top with 6,974 cases.

Sabah and Sarawak saw a surge in infections after logging 2,738 cases and 2,548 cases respectively.

Other states that logged four-digit cases were Kedah (1,932), Kuala Lumpur (1,652), Penang (1,523), Johor (1,323), Kelantan (1,281) and Perak (1,248).

Labuan, meanwhile, reported only one new case, Perlis had 64 new cases while Putrajaya recorded 24 new cases.

Meanwhile, 233 individuals succumbed to the coronavirus up to noon yesterday, raising the country's Covid-19 death toll to 13,713.

A total of 1,062 Covid-19 patients are being treated at Intensive Care Units, including 518 patients who had been intubated.

On a brighter note, 21,448 recoveries were recorded yesterday.



*Two diners having their meal at a restaurant in Port Klang following the relaxation of restrictions for dining in under the National Recovery Plan.* PIC BY FAIZ ANUAR

On the deaths, Dr Noor Hisham said over one quarter of the Covid-19 fatalities reported yesterday were brought in dead (B.I.D) cases.

He said 60 out of the 233 deaths were B.I.D cases.

Selangor accounted for 101 deaths, followed by Kuala Lumpur (31), Johor (23), Sabah (17), Perak (16), Penang (15), Negri Sembilan (11), Kedah (nine), Terengganu (four), and three deaths each in Kelantan and Pahang.

Dr Noor Hisham said a large number of individuals who tested positive for the virus contracted infections in Category One or Category Two (23,133 cases or 98.2 per cent).

Only 431 cases (1.8 per cent) of the new cases recorded yesterday fell under Category Three, Four and Five infections, which required hospitalisation.

Of the new cases reported, Dr Noor Hisham said 19,362 of them (82.2 per cent) were either unvaccinated or had not completed their two doses.

Meanwhile, Perlis recorded the highest infectivity rate or R-naught in the country up to yesterday.

Dr Noor Hisham said the state recorded an Rt value of 1.31 that was higher than the national average that stood at 1.04.

Selangor recorded an Rt value of 1 while Labuan reported an Rt value of zero.

Dr Noor Hisham said the ministry also detected 38 new Covid-19 clusters, with 22 of them being workplace clusters. The remaining 14 were community clusters and another two were educational clusters.

Among the workplace clusters, the Jalan Damai Raya construction site cluster in Cheras, Kuala Lumpur, contributed the most number of infections (185 cases).

Among the community clusters, the Lorong Teruntum cluster in Kuching, Sarawak, accounted for the highest number of infections (115 cases).

Both educational clusters reported yesterday involved the Bachok and Kota Baru districts in Kelantan, with the Kampung Pantai Melawi cluster reporting 26 cases and the Taman Bayam Baru cluster logging 13 cases.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS/NATION

*The CanSino vaccines arriving at the Kuala Lumpur International Airport in Sepang yesterday.* PIC COURTESY OF MOSTI

200,000 DOSES

# CanSino Covid-19 vaccine arrives

**PUTRAJAYA:** Malaysia will start administering the CanSino vaccine after receiving 200,000 doses from CanSino Biologics in China yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the vaccines would arrive on our shores as finished products.

"A total of 3.5 million CanSino vaccines have been ordered and will be delivered in stages.

"It is also the first single-dose Covid-19 vaccine (that will be used) in Malaysia," he said.

The Covid-19 National Immunisation Programme has involved vaccines manufactured by Pfizer-BioNTech, Sinovac and AstraZeneca, while the Johnson & Johnson jab has received conditional approval.

The CanSino vaccines were flown in by MAS Cargo on flight MH361.

It arrived at the Kuala Lumpur International Airport at 7.50am yesterday.

The supply was received by Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) secretary-general Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, Health Ministry secretary-general Datuk Mohd Shafiq Abdullah and Mosti deputy secretary-general (Technology Development) Dr Mohd Nor Azman Hassan.

Mosti, in a statement, said Solution Biologics was the product registration holder for the CanSino vaccine in Malaysia and the vaccine had been granted conditional approval for emergency use in the country by the National Drug Authority on June 15.

CanSino vaccines will facilitate vaccine administration in areas with poor access and help Malaysia achieve herd immunity as per the timeline set under the National Recovery Plan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

**Covid-19 Current situation**

| Malaysia: New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|
| 23,564 | 1,513,024 | 13,713(+233) | 1,241,894(+21,448) |

**VACCINATED IN MALAYSIA** As at 11.59pm Aug 19 (Daily figures in brackets)

| TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED | FIRST DOSE TOTAL | SECOND DOSE TOTAL |
|---|---|---|
| 29,886,548 (517,692) | 17,806,570 (180,810) | 12,079,978 (336,882) |

| Perlis | Kedah | Penang | Perak | Selangor | Kelantan | Terengganu | Pahang | N. Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | FT K. Lumpur | FT Putrajaya | FT Labuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| +64 | +1,932 | +1,523 | +1,248 | +6,974 | +1,281 | +521 | +517 | +608 | +610 | +1,323 | + 2,738 | +2,548 | +1,652 | +24 | +1 |

# 200,000 CanSino doses arrive

## Single-dose vaccine to boost inoculation drive in remote areas

**Timely arrival:** Siti Hamisah and Mohd Shafiq inspecting the vaccine shipment at the Kuala Lumpur International Airport. – Bernama

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia's Covid-19 immunisation programme has received a timely boost with the arrival of the single-dose CanSino vaccine from China.

The batch of 200,000 doses in "finished product" form is the first shipment out of 3.5 million doses ordered from China's CanSino Biologics.

"Supply of this single-dose vaccine will further intensify the country's immunisation programme, especially in low-access areas, and will help Malaysia to achieve herd immunity as targeted in the National Recovery Plan within the set time," said the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) in a statement.

The single-dose regimen will also ease the government's logistics in reaching out to people in remote locations to vaccinate them.

So far, Malaysia has been utilising three vaccines for its Covid-19 vaccination programme: Cominarty (Pfizer BioNTech), CoronaVac (Sinovac) and AstraZeneca.

These vaccines need to be administered in two doses with varying interval periods.

Malaysia has also granted approval to another single-dose Covid-19 vaccine: Janssen by Johnson & Johnson.

Both the CanSino and Janssen vaccines have received conditional approval from the Drug Control Authority.

Solution Biologics is the product registration holder for CanSino in Malaysia.

Yesterday, the vaccine shipment arrived at the Kuala Lumpur International Airport at 7.50am on a MASKargo flight from Beijing.

Present to witness the arrival of the vaccines were Mosti secretary-general Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir and Health Ministry secretary-general Datuk Mohd Shafiq Abdullah.

# DG: We just can't let our guard down

**PUTRAJAYA:** Covid-19 cases continued to rise with 23,564 more infections, with yesterday's tally overtaking the previous day's 22,948 cases and setting a new record.

Cumulatively, the country has recorded 1,513,024 Covid-19 cases.

Selangor had the highest number of new cases yesterday with 6,975 infections while Sabah was second with 2,738 cases, followed by Sarawak with 2,548.

Perlis, the nation's smallest state, reported 64 cases.

Perlis, Sabah and Sarawak have entered Phase Three of the National Recovery Plan (NRP), which allows for the easing of certain Covid-19 restrictions.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the relaxation of Covid-19 rules and the emergence of the Delta variant were among the causes of the current infection surge.

He said it was crucial for the public to stay vigilant and not take the pandemic lightly.

"My advice for states under Phase Three is to comply with all public health precautionary measures and increase their vaccination drive.

"Otherwise, infections will continue to spread in the communities – more so with the dominant Delta variant. We just cannot let our guard down," said Dr Noor Hisham in a text message.

Recently, the caretaker government had relaxed several Covid-19 restrictions, including allowing fully vaccinated individuals in Phase One states to dine in at eateries.

As of Thursday, 37% of the Malaysian population was fully vaccinated while 54.5% had received at least one vaccination dose.

**New cases by category for Aug 20**
TOTAL CASES 23,564

| | | |
|---|---|---|
| Category 1 | Asymptomatic (no symptoms) | 11,788 cases 50% |
| Category 2 | Mild symptoms | 11,345 cases 48.2% |
| Category 3 | Pneumonia (inflammation of the lungs) | 236 cases 1.0% |
| Category 4 | Pneumonia and require oxygen | 77 cases 0.3% |
| Category 5 | Pneumonia and need ventilator support | 118 cases 0.5% |

Source: Health Ministry TheStar graphics

Yesterday, Malaysia reported 233 more Covid-19 deaths, taking the national death toll to 13,713.

Currently, the country has 257,417 active Covid-19 cases.

This includes 1,062 cases in intensive care units and 518 on ventilator support.

The country also discharged 21,448 more patients yesterday, which brought total recoveries to 1,241,894 (82.08% of all cases).